

Persisi bentuk 2 pasukan silat

Berita Minggu

18 JAN 1981

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) membuka tirai 1981 dengan mengambil langkah baru menubuhkan dua buah pasukan silat kebangsaan yang terdiri dari seramai 72 pesilat.

Satu pasukan seramai 36 orang, dikhaskan sebagai pasukan Olahraga dan satu lagi, dengan bilangan pesilat yang sama ramai, dikenali sebagai pasukan Kesenian.

Tujuan utama Persisi mengorak langkah terbaru ini ialah untuk memastikan adanya bekalan pesilat yang cukup untuk memenuhi satu-satu keperluan yang datang pada bila-bila masa saja.

Berkekalan

"Mereka boleh mengadakan persembahan pada bila-bila masa saja diperlukan, sama ada dalam kegiatan-kegiatan anjuran Persisi sendiri atau badan-badan silat antarabangsa serta untuk persatuan-persatuan tempatan yang mahu menyertakan pertunjukan silat dalam kegiatan mereka," demikian ditegaskan oleh Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff.

Dia menarik perhatian bahawa satu lagi faedah dari adanya pasukan yang tetap ini ialah memastikan bahawa para pesilat Singapura sentiasa disediakan dengan latihan yang berterusan dan ditingkatkan dari masa ke masa.

"Masalah 'fitness' yang pernah menjejaskan persembahan mereka di masa-masa lalu juga akan dapat diatasi menerusi rancangan latihan yang telah diatur," tambahnya.

Di bawah pimpinan seramai 10 orang jurulatih, para pesilat tersebut akan dikehendaki menjalani latihan mereka sekali dalam seminggu dan setiap latihan berlangsung selama dua jam.

Pasukan Kesenian akan menjalani latihan setiap Rabu sementara Olahraga pula setiap Sabtu mulai semalam. Sekiranya perlu, latihan-latihan tambahan akan diadakan pada Ahad.

Langkah mengumpulkan anggota pasukan pesilat ini adalah ekoran dari saranan yang dibuat oleh sembilan perguruan silat di sini dengan setiap perguruan membekalkan empat pesilat bagi satu bahagian.

Di bawah kelolaan Persisi, latihan-latihan

akan dijalankan di Jalan Pengaga dan mungkin juga di Balai Rakyat Tanglin.

Pihak Persisi telah menggariskan ketetapan bahawa para pesilat yang terpilih bukan saja perlu mempunyai minat mendalam terhadap kesenian ini, tetapi juga berdisiplin.

"Mereka yang tidak hadir latihan beberapa kali tanpa sebab munasabah akan dikenakan tindakan disiplin dan jika perlu dikeluarkan dari pasukan ini. Kami akan berusaha untuk menjamin mutu yang tinggi di kalangan para pesilat kedua-dua pasukan ini," tegas Encik Johari.

Berusaha

Di samping itu, sebagai satu lagi usaha meluaskan pengetahuan para pesilat berkenaan, Persisi juga sedang mengatur rancangan untuk menganjurkan kursus-kursus sambilan dalam bentuk ceramah-ceramah silat.

Ceramah-ceramah berkenaan akan meliputi aspek sejarah silat, perubatan, adat istiadat, pantang larang dan juga perkembangan semasa silat dalam negeri dan serantau.

"Ini akan menambah dan meluaskan pengetahuan pesilat kita. Jika semuanya berjalan dengan baik, mereka bukan saja cekap dalam kesenian dan olahraga masing-masing, tetapi juga fasih dalam ilmiah persilatan," tegas Encik Johari lagi.